

09 AUG 1996

Kelantan-Annuar

KERAJAAN KELANTAN AKAN BERTUKAR DALAM MASA TERDEKAT, KATA ANNUAR

KUALA SELANGOR, 9 Ogos (Bernama) -- Keadaan politik di Kelantan sedang menuju satu penyelesaian dan Umno menjangkakan satu pertukaran kerajaan di negeri itu dalam masa terdekat, kata Timbalan Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa.

"Apa yang boleh saya katakan ialah kerajaan yang ada akan diganti dalam masa terdekat tanpa satu pilihan raya diadakan," kata Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar, kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan para pekebun kecil Risda di Bukit Badong dekat sini hari ini.

"Keadaan politik di Kelantan sedang menuju ke arah satu penyelesaian terhadap krisis yang ada," katanya.

Annuar berkata satu kejutan dalam negeri itu yang melibatkan Umno tidak harus diketepikan.

Kelantan kini menghadapi ketidaktentuan dalam politik negeri sejak PAS memutuskan semua hubungan dengan bekas anggota gabungan Angkatan Perpaduan Ummah, Parti Melayu Semangat 46 (S46), dan menyatakan hasratnya untuk memerintah sendiri negeri itu.

Menteri Besar Datuk Nik Aziz Nik Mat turut melucutkan empat anggota Exco S46 daripada portfolio mereka selepas gagal menghadap Sultan Kelantan untuk mendapatkan perkenan memecat mereka.

Annuar berkata kerajaan PAS tidak harus terlalu yakin dan memperkecilkan kerjasama yang sedang dilakukan antara Umno dan S46.

Beliau berkata anggota-anggota S46 yang telah menyertai PAS setakat ini bukan merupakan penyokong sebenar PAS tetapi hanya bertukar parti untuk melindungi kedudukan mereka sebagai penghulu dan anggota majlis daerah.

Ditanya sama ada beliau menjangkakan semua anggota S46 akan menyertai Umno selepas rancangan membubarkan S46 seperti yang diumumkan presiden parti itu Tengku Razaleigh Hamzah, beliau berkata: "Kita tidak menjangkakan semua tetapi sekurang-kurangnya lebih 50 peratus dan ini sudah cukup baik bagi Umno."

Annuar berkata Umno Kelantan telah bersetuju untuk menunggu hasil pertemuan Tengku Razaleigh dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Katanya Umno Kelantan akan mematuhi sebarang keputusan yang dibuat Perdana Menteri sebagai Presiden Umno. -- BERNAMA

KM RON